

27/11/2000

Gagasan EAEC semakin diterima

SEPULUH tahun selepas diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, penubuhan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang asalnya ditolak, kini dirasakan semakin perlu. Di sebalik gagasan baru ini bukan bertujuan membina blok perdagangan, negara-negara Asia Timur menyedari pentingnya bekerjasama tanpa mengamalkan dasar perlindungan dagangan eksklusif dengan meletakkan tembok dan hadangan.

Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean Ke-4 di Singapura yang berakhir kelmarin jelas menyerlahkan Dr Mahathir selaku tokoh yang satu dekad mendahului pemimpin lain dalam merintis idea penubuhan EAEC. Ini seiring dengan pendirian pemimpin Asean yang mencadangkan supaya Asean+3 dijadikan satu entiti secara formal dan memastikan pertubuhan serantau itu mempunyai tapak yang kukuh. Perundingan atau kesatuan itu dilihat sebagai perlu kerana mereka menyedari bahawa mereka mudah terdedah walaupun negara besar sekalipun.

Dengan tertubuhnya EAEC nanti, tidak syak lagi ia akan dapat menyeimbangkan pembangunan di rantau Asia Timur dengan rantau lain di dunia. Tambahan selepas krisis kewangan, masyarakat mula berfikir bahawa ia boleh menjejaskan ekonomi banyak negara di Asia Timur sedangkan Barat mendapat faedah daripada krisis berkenaan. Ia dengan sendirinya adalah satu pengiktirafan selain kesedaran terhadap perlunya bagi negara-negara di rantau ini memiliki suara dalam pelbagai isu.

(END)